

# Transformasi usahawan empower ke arah formalisasi, digitalisasi

**Kuantan:** UMP Advanced dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menjayakan program transformasi usahawan empower ke arah formalisasi dan digitalisasi.

Seramai 150 peserta empower ECER dari Kuantan dan Pekan terbahit dalam program berkenaan yang diadakan pada 15 Ogos lalu.

Bagi memperkasakan usahawan membabitkan golongan B40, satu inisiatif dijalankan bersama agensi kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pembabitan agensi berkenaan bertujuan memberi input kepada usahawan mengenai kepentingan dan galakan mendaftarkan perniagaan serta mencarum dalam KWSP dan PERKESO.

Selain itu, usahawan empower diajar menggunakan platform di-

gital bagi memudahkan urusan pendaftaran dan caruman dalam talian. Kini mereka tidak perlu lagi membuat urusan secara manual.

Pengarah Projek Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas UMP Advanced, Prof Madya Dr Abdul Aziz Mohd Azoddein, berkata selaku pihak penyedia perkhidmatan bagi program empower ECER, adalah menjadi tanggungjawabnya membantu usahawan empower mendapat pendedahan, sekali gus memastikan golongan itu tidak tercicir.


"Penularan COVID-19 menyebabkan usahawan mikro menjadi golongan paling terjejas.

"Kerajaan memperuntukkan dana bagi membantu golongan usahawan yang terjejas seperti menyediakan bantuan Geran Khas Prihatin dan Subsidi Upah.

"Bagaimanapun, kebanyakan usahawan empower tidak melepasi syarat bagi melayakkan mendapat manfaat itu, antaranya tidak aktif



UMP Advanced dengan kerjasama ECERDC menjayakan program transformasi usahawan empower ke arah formalisasi dan digitalisasi.



Antara kegiatan dilaksana oleh peserta.

SSM," katanya.

Beliau berkata, usahawan empower harus mengambil peluang untuk formalisasikan perniagaan mereka kerana banyak manfaat bakal diperolehi.

Turut terbahit dalam program

adalah Food Panda, yang mana wakil syarikat memberi penerangan berhubung kelebihan menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan memandangkan kebanyakan usahawan empower mengusahakan perniagaan bera-

saskan makanan.

Sementara itu, Norkhalilah Murad, 26, berkata program seumpama itu membantu memudahkan urusan untuk formalisasikan perniagaannya.

Katanya, hasrat untuk mendaftarkan perniagaan dan mencarum ke dalam KWSP dan PERKESO sudah lama tetapi kerana kesukaran dan kekangan masa berurusan di pejabat membantutkan hasratnya itu.

"Apabila mendapat maklumat bahawa pihak UMP Advanced akan mengadakan program seperti ini, saya terus memberi pengesahan nama untuk hadir. Banyak manfaat yang saya peroleh sepanjang program berlangsung.

"Kemudahan kaunter pendaftaran turut memudahkan urusan mendaftar secara terus dan tidak perlu lagi ke pejabat berkenaan," katanya.